



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

7 JANUARI 2019

1. Pemilik buat laporan polis selepas tiga ekor anjing mati diracun; Kosmo

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Negara	M/SURAT: <input type="text" value="15"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
7 Januari 2019			

Pemilik buat laporan polis selepas tiga ekor anjing mati diracun



KEADAAN anjing yang telah mati akibat diracun.

SEREMBAN - Tiga ekor anjing termasuk seekor anjing milik seorang lelaki berusia 50 tahun di Taman Lavender Heights di sini ditemui mati dipercayai akibat diracun pihak tidak bertanggungjawab baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Thiew Hock Poh berkata, pihak polis menerima laporan berhubung kejadian itu yang dibuat lelaki tersebut petang kelmarin.

"Lelaki itu mendakwa pada 1 Januari lalu dia menemui seekor anjingnya mati di lorong belakang rumahnya.

"Dia kemudian menemui dua lagi anjing mati berdekatan dengan rumahnya antara 1 hingga 4 Januari lalu.

"Dia mengesyaki anjing pelharaannya dan dua ekor anjing lain yang ditemui mati itu diracun oleh individu tertentu," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini, semalam.

Hock Poh berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 428 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan membunuh atau mencacatkan haiwan.

Insiden itu tular di media sosial sejak kelmarin dan seorang pencinta haiwan di ibu negara turut membuat laporan polis berhubung perkara berkenaan di Gombak.

Kejadian tersebut mendapat perhatian Pertubuhan Kebajikan Haiwan Malaysia (Mawa) yang mengkritik pelaku kejadian tersebut.

Pengasasnya, S.Mukunnan ketika dihubungi pemberita berkata, orang ramai perlu diberi kesedaran bahawa mereka boleh didakwa jika membunuh haiwan termasuk kucing atau anjing.